

14 DEC 2001

Raya-Samy

SAMY VELLU UCAP SELAMAT HARI RAYA KEPADA UMAT ISLAM

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata kejayaan Malaysia mencipta pendekatannya tersendiri dalam menangani masalah-masalah negara kini dicontohi oleh negara-negara lain.

"Ini membuktikan kemampuan kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mentadbir negara," katanya dalam satu perutusan Hari Raya.

Katanya, pendekatan itu juga telah memperkukuhkan ekonomi negara ketika ekonomi dunia menjadi lembab ekoran serangan terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

Samy Vellu berkata rakyat Malaysia amat bertuah kerana hidup di sebuah negara yang aman, stabil dan maju.

"Walaupun bilangan pengangguran meningkat, tetapi ia tidak seteruk negara-negara lain. Malah yang menganggur itu masih berpeluang mendapatkan kerja lain," katanya.

Katanya semangat toleransi dan persefahaman di kalangan rakyat Malaysia perlu diteruskan demi menjamin ketahanan negara bagi menghadapi cabaran ekonomi global.

Beliau meminta orang ramai supaya meneruskan tradisi rumah terbuka semasa hari perayaan.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya, meminta pengguna jalan raya supaya memandu dengan cermat ketika balik kampung dan sebaliknya.

-- BERNAMA

ES ES MAI